

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN  
KAWASAN : BAYAN BARU  
TARIKH : 14.10.2014 (SELASA)  
NO. SOALAN : 47

Y.B. TUAN SIM TZE TZIN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan secara teliti (pecahan dalam peratusan) penggunaan dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebanyak RM1.7 bilion yang diminta oleh syarikat PROTON dan sama ada Kerajaan akan meluluskan dana tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah menjadi kelaziman bahawa setiap permohonan untuk mendapatkan geran R&D dinilai secara terperinci sebelum dipertimbangkan. Penilaian sama turut dibuat terhadap permohonan yang dikemukakan oleh PROTON. Ini bagi memastikan tahap sumbangan projek R&D ini ke atas pembangunan industri automotif negara serta untuk menilai jumlah yang dipohon. Justeru, Kerajaan sedang mengkaji permohonan geran R&D dan latihan tersebut dan ia masih dalam pertimbangan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, permohonan geran tersebut adalah bagi menampung perbelanjaan R&D yang dicadang dilaksanakan oleh PROTON dalam tempoh 5 tahun. Antara teknologi utama yang dicadang adalah, dengan izin, *advanced technology integration* dan *powertrain and platform rationalisation*.

Melalui teknologi terkini ini, PROTON dapat mencapai sasaran pengurangan kos pengeluaran dengan membina platform asas yang boleh diubahsuai untuk kegunaan tujuh model kenderaan yang dicadang dikeluarkan oleh PROTON, di samping meningkatkan kecekapan penggunaan bahan api.